

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Suara Keadilan
Date	8 September 2015

## Umno tak berani pecat Mahathir

KETUA Setiausaha Pengelola KEADILAN, Fariz Musa berkata, Umno tidak berani memecat Tun Dr Mahathir Mohamad kerana mempersoalkan skandal 1MDB dan wang RM26 bilion yang dimasukkan ke akaun peribadi Perdana Menteri.

Sebaliknya, katanya, Umno bertindak memecat perwakilan wanita Umno Langkawi, Anina Saaduddin kerana memfailkan kes itu di mahkamah.

Menurut Fariz, tindakan yang sama juga sepatutnya dibuat terhadap Mahathir yang sebelum ini lebihantang dan secara terang-terangan menyerang Datuk Seri Najb Razak selaku presiden Umno.

"Kalau nak dikira, sebelum

“ Kalau nak dikira, sebelum Anina, Tun Mahathir juga mempersoalkan isu ini malah secara terang-terangan menyerang Najib, tetapi tiada tindakan diambil,” *Suara Keadilan - 8/9/2015*

**FARIZ MUSA**  
Ketua Setiausaha Pengelola KEADILAN

Anina, Tun Mahathir juga mempersoalkan isu ini malah secara terang-terangan menyerang Najib, tetapi tiada tindakan diambil.

“Umno tak berani pecat Mahathir, kerana dia ada pengaruh yang kuat. Umno akan huru hara sekiranya beliau dipecat sebagai ahli,” katanya ketika dihubungi Suara Keadilan.

Anina Saaduddin - perwakilan wanita Umno Langkawi yang menyaman Perdana Menteri terlucut keahlian Umno berkuatkuasa serta-merta minggu lalu.

Setiausaha Kerja Umno Datuk Abdul Rauf Yusof mengesahkan perkara itu dan berkata, keahlian Anina gugur kerana membawa hal berkaitan parti ke mahkamah.